

95-2542

SIRI SEJARAH TANAH AIR

PORTUGIS

Sulaiman Zakaria

Goodmark Enterprise
Kuala Lumpur

GOODMARK ENTERPRISE

29A, Jalan Jejaka 5,
Taman Maluri, Jln. Cheras,
55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-9828198

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit.

© Goodmark Enterprise
Cetakan Pertama 1994

ISBN 983-9849-04-2(SIRI)

APB 713492

14 OCT 1994

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh:
SEGAR PAPER INDUSTRIES SDN. BHD.
Kuala Lumpur

M.
959.5
SUL

Prakata

Negara kita terkenal sebagai sebuah negara yang dijajah. Penjajah telah menimbulkan beberapa kesan baik dan buruk pada rakyat Malaysia hari ini.

Selain itu, terdapat bangsa-bangsa pendatang yang kini menjadi sebahagian daripada rakyat negara ini.

Kesan-kesan penjajahan dan kedatangan bangsa-bangsa pendatang ini menjadikan Malaysia begitu unik.

Siri Sejarah ini sudah tentu dapat membantu para pelajar sekolah rendah dan menengah rendah menambahkan pemahaman mereka terhadap sejarah tanahair.



PORTUGIS

Orang Portugis ialah bangsa Eropah yang pertama datang ke sebelah timur. Mereka datang dari negara Portugal. Portugal ialah negeri kecil yang terletak di barat daya benua Eropah.

Orang Portugis datang ke Asia Tenggara dengan dua tujuan. Pertama mereka hendak mencari kekayaan dan menyebarkan agama Kristian mazhab Katholik.

Orang Portugis hendak mencari kekayaan melalui perdagangan rempah. Rempah didapati di Kepulauan Rempah. Tahukah kamu di mana Kepulauan Rempah?


Perdagangan rempah di timur dikuasai oleh orang Islam. Orang India Islam membeli rempah dari Kepulauan Rempah dan membawa ke Malabar atau Gujerat di India. Orang Arab pula membawa rempah ke pelabuhan di Asia Barat seperti Iskandariah dan Baghdad. Dari situ pedagang Venice dan Genoa membawa rempah ke Eropah.

Orang Portugis terpaksa membeli rempah dari orang Venice dan Genoa. Mereka sedar orang Islam mendapat keuntungan yang banyak dalam perdagangan rempah. Oleh itu mereka mahu beli sendiri rempah di Kepulauan Rempah.

Seorang putera raja Portugal, Putera Henry (1394-1460) menggalakkan pelayaran ke sebelah timur. Beliau menubuhkan sebuah pusat penyelidikan di Sagres. Kapal-kapal dibina di pusat tersebut. Kemudian, beberapa angkatan diarahkan untuk mencari jalan ke timur.

Orang Portugis datang ke Asia Tenggara dengan dua tujuan. Pertama, mereka hendak mencari kekayaan dan kedua menyebarkan agama Kristian mazhab Katholik.

Orang Portugis hendak mencari kekayaan melalui perdagangan rempah. Rempah didapati di Kepulauan Rempah. Tahukah kamu di mana Kepulauan Rempah?



Perjalanan Portugis ke Timur dan laluannya ke India.

Ahli pelayaran Portugis berjaya menyusuri pantai benua Afrika hingga ke selatan. Pada tahun 1488, Bartholomew Diaz berjaya sampai ke hujung sebuah tanjung di selatan Afrika. Tanjung tersebut ialah Tanjung Harapan. Tanjung itu dinamakan Tanjung Harapan kerana mereka menaruh harapan supaya dapat meneruskan pelayaran lebih jauh lagi.

Pada tahun 1498 pula, Vasco da Gama dapat meneruskan pelayaran melepasi tanjung tersebut. Dia sampai ke pantai India iaitu di Kalikat setelah menyeberangi Lautan Hindi. Seterusnya, Portugis berjaya membuka petempatan perdagangan yang baharu di Cochin, India pada tahun 1503.

Pada 25 November 1510, orang Portugis menawan Goa. Goa digunakan sebagai tapak perluasan kuasa. Mereka meneguhkan lagi hubungan dengan pedagang-pedagang Islam di Kepulauan Rempah. Di samping itu, Goa digunakan untuk mengawal perdagangan Portugis dengan negeri China.



Lopez de Sequeira

Orang Portugis melaksanakan dasar perdagangan ke timur. Pada tahun 1509, Lopez de Sequeira telah diarahkan oleh Raja Portugal pergi ke Melaka. Baginda mahu memulakan hubungan perdagangan secara aman dengan Melaka.

Kedatangan Portugis ke Melaka menyedarkan mereka bahawa Melaka merupakan emporium barangan yang terbesar di rantau ini. Orang Portugis begitu berminat untuk menguasai Melaka.

Pada mulanya kedatangan mereka itu diberi jaminan keselamatan oleh Sultan Mahmud Syah. Kemudiannya Lopez de Sequeira dan orangnya telah diserang mengikut arahan Bendahara Tun Mutahir. Bendahara telah dihasut oleh saudagar-saudagar Gujerat dan Jawa yang anti-Portugis.

Pedagang-pedagang Gujerat dari India tidak ingin melihat orang Portugis menguasai perdagangan di Melaka. Mereka tahu orang Portugis sedang bermaharajalela di India.



Pendudukan Melaka

Mereka mahu mengalahkan orang Islam dan menguasai perdagangan orang Islam.


Sepasukan anak-anak kapal di bawah pimpinan Ruy de Araujo telah ditangkap dan dipenjarakan. Bagaimanapun, Lopez de Sequeira berjaya melarikan diri ke Goa. Kejadian ini telah menimbulkan kemarahan kepada orang Portugis di Goa.

Alfonso de Albuquerque wizurai Portugis di Goa menerima surat yang diseludup keluar oleh Ruy de Araujo. Surat-surat tersebut disampaikan oleh Naina Chetu seorang India Muslim yang belot. Dalam suratnya, Ruy de Araujo memberitahu Alfonso de Albuquerque tentang maklumat penting yang berkaitan dengan pertahanan Melaka.

Surat itu juga mendesak agar Alfonso de Albuquerque supaya mengambil tindakan segera membebaskan orang tahanan di Melaka. Mereka sudah tidak tertahan lagi menanggung seksaan yang dilakukan ke atas mereka oleh pengawal-pengawal penjara Melaka.



Alfonso de Albuquerque



Tentera Portugis menyerang Melaka.

Ruy de Araujo juga meminta agar Alfonso de Albuquerque membawa satu angkatan perang yang kuat dari Goa. Angkatan itu untuk mengugut Bendahara Tun Mutahir bahwa orang Portugis akan berperang sekiranya tawanan tersebut tidak dibebaskan.

Pada tahun 1510, Diego Monaez de Vasconcelos telah diarahkan oleh kerajaan Portugal supaya membalas dendam terhadap orang Melaka. Mereka telah memberi layanan yang buruk ke atas tawanan yang diketuai oleh Lopez de Sequeira dahulu.

Angkatan Diego Mondez Vasconcelos itu telah tersalah jalan dan tidak sampai ke Melaka. Mereka hanya berjaya sampai ke Goa.

Setelah kelengkapan dan keadaan yang mengizinkan maka pada 2 Mei 1511, Alfonso de Albuquerque belayar ke Melaka. Kejadian yang menimpa Lopez de Sequeira dahulu menjadi alasan kepadanya untuk menawan Melaka.

Alfonso de Albuquerque diiringi oleh 18 buah kapal perang yang serba lengkap bersama kira-kira 1200 anak kapal. Dia membawa angkatan yang besar kerana mengetahui pertahanan Melaka sangat kuat.

Dalam pelayaran ke Melaka, angkatan tersebut menawan sebuah kapal orang Gujerat. Mereka memaksa anak-anak kapal tersebut supaya menunjukkan jalan ke Pedir di pantai Sumatera. Di Pedir, Alfonso de Albuquerque berjumpa dengan lapan orang tawanan Portugis yang melarikan diri daripada tahanan di Melaka.

Pada 1 Julai 1511, Alfonso de Albuquerque tiba di Melaka. Matlamat utamanya untuk merundingkan pembebasan orang Portugis yang ditawan. Dia menuntut ganti rugi bagi kemusnahan kapal-kapal Portugis pada tahun 1509 dahulu. Dia juga menuntut supaya membenarkan pihak Portugis membina sebuah kota.

Sultan Mahmud Syah telah dipengaruhi

oleh orang Gujerat dan pedagang-pedagang tempatan supaya menolak tuntutan tersebut. Tengku Ahmad, putera Sultan Mahmud Syah turut menentang orang Portugis.

Alfonso de Albuquerque berasa cemas melihat keadaan itu. Oleh itu orang Portugis terpaksa menggunakan kekerasan dengan menyerang kapal-kapal dan membakar rumah-rumah di sepanjang pantai. Tindakan ini menyebabkan Sultan Mahmud Syah terpaksa membebaskan orang tahanan.

Serangan orang Portugis tidak berhenti di situ sahaja. Alfonso de Albuquerque mengambil keputusan untuk menyerang dan menawan Melaka pada 25 Julai 1511. Malangnya, serangan tersebut gagal kerana dapat dipatahkan oleh Melaka. Mereka hanya berjaya menawan jambatan Sungai Melaka.

Pada 10 Ogos 1511, orang Portugis menyerang Melaka sekali lagi. Orang Portugis menyerang kota Melaka pada waktu malam. Pada keesokan harinya, serangan yang hebat

diteruskan lagi. Mereka menyerang kapal-kapal pedagang dan memusnahkan masjid yang terdapat di Melaka.

Alfonso de Albuquerque menunggu beberapa hari untuk memberi arahan kepada anak-anak kapalnya untuk melakukan serangan seterusnya. Mereka sentiasa bersiap sedia sekiranya terdapat tindak balas daripada tentera Melaka. Walau bagaimanapun serangan yang terakhir hanya dilancarkan beberapa hari kemudian.

Pada 24 Ogos 1511, Melaka dapat ditakluki oleh tentera-tentera Portugis. Sultan Mahmud Syah dan putera baginda, Tengku Ahmad bersama-sama pengikutnya terpaksa berundur ke Muar, Johor. Kemudian, mereka berpindah ke Pahang dan seterusnya ke Pulau Bintan. Dengan itu bermulalah penjajahan Portugis di Tanah Melayu.

Sebenarnya kemenangan Portugis menawan Melaka disebabkan oleh beberapa perkara. Angkatan Portugis mempunyai kapal-



Angkatan Laut Portugis sampai ke Melaka.




Kota A Famosa

kapal perang yang serba lengkap. Senjata mereka lebih moden daripada senjata tentera-tentera Melayu Melaka. Tentera-tentera Melayu menggunakan senjata-senjata tradisional.

Sebilangan besar tentera Melaka terdiri daripada askar upahan. Mereka tidak mempunyai perasaan taat setia kepada Sultan Meleka. Apabila melihat angkatan Melaka hampir kalah, mereka terus berpaling tadah. Selain itu, orang Portugis dibantu oleh pedagang-pedagang asing yang tidak taat setia kepada Melaka. Pedagang-pedagang Cina memberi pinjam tongkang mereka untuk kegunaan tentera Portugis.

Setelah menawan Melaka, Alfonso de Albuquerque merancang pentadbiran Portugis. Hal-hal yang berkaitan dengan adat resam diserahkan kepada penduduk tempatan.

Beberapa jawatan penting diwujudkan. Kapten Kota merupakan ketua pegawai Portugis di Melaka. Perlantikannya dari satu hingga empat tahun. Jawatan ini merupakan



Kapal Portugis

hadiah kepada golongan bangsawan yang berjasa kepada raja. Tugasnya membantu Wizurai atau Gabenor di Goa.

Kapten Jeneral pula bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal tentera dan menguasai kedua-dua angkatan laut dan darat. Ketua Hakim pula bertanggungjawab menguruskan hal-hal awam. Datuk Bandar menguruskan hal kewangan dan Bishop menguruskan hal agama. Tiap-tiap jawatan mempunyai penolong masing-masing.

Jawatan-jawatan peribumi seperti Bendahara, Temenggung dan Syahbandar dikekalkan tetapi diubah untuk menguruskan hal-hal peribumi sahaja. Kaum-kaum yang penting diwakili oleh ketua-ketua tempatan atau kapten mereka.

Alfonso de Albuquerque juga telah membina sebuah kota yang bernama A Famosa. Kota ini sangat kuat. Tidak ada musuh yang boleh memusnahkan kota tersebut. Orang Portugis dapat mengekalkan kedudukan

mereka di Melaka selama 130 tahun. Runtuhan bangunan tersebut masih kekal hingga sekarang.

A Famosa digunakan juga sebagai pusat pentadbiran. Semua pejabat pentadbiran, gereja dan pusat perniagaan terletak di dalam kota tersebut.

Pada tahun 1513, Sultan Mahmud Syah mengasaskan kerajaannya di Pulau Bintan. Baginda telah berkali-kali menyerang Melaka tetapi gagal. Hal ini disebabkan Portugis telah mendirikan kota A Famosa. Pada tahun 1526, tentera Portugis telah menyerang Pulau Bintan. Sultan Mahmud Syah terpaksa berundur ke Kampar, di Sumatera. Baginda mangkat di situ pada tahun 1528.

Putera Sultan Mahmud Syah, Sultan Alauddin Riwayat Shah mengasaskan kerajaan Johor di tebing Sungai Johor di Kota Tinggi. Baginda meneruskan usaha untuk merampas kembali Melaka.



Peta Kepulauan Rempah

Melaka sememangnya menjadi idaman orang Portugis selama ini kerana kedudukan yang strategik. Dari segi geografinya, Melaka terletak di pertengahan jalan perdagangan di antara timur dan barat. Kapal-kapal dagang singgah di Melaka semasa tiupan angin Monson Barat Daya dan Monson Timur Laut.

Kedudukan Melaka juga terselamat daripada tiupan angin ribut kerana dilindungi oleh Pulau Sumatera. Kedudukannya yang terletak di bahagian hujung Selat Melaka, membolehkan Melaka mengawal semua perjalanan kapal dagang dari barat dan timur.

Di samping itu, Melaka terletak berhampiran dengan pusat pengeluaran hasil-hasil selat terutama rempah. Rempah sangat diperlukan oleh pedagang-pedagang Cina, India dan Eropah. Tahukah kamu apa itu rempah?

Rempah yang dimaksudkan ialah seperti lada hitam, lada sulah, bunga cengkih dan sebagainya. Rempah digunakan untuk

melazatkan makanan.

Bukit-bukit yang terdapat di Melaka menjadikan kawasan tersebut selamat daripada serangan musuh. Bukit-bukit tersebut menjadi benteng pertahanan semula jadi bagi Melaka.

Di pelabuhan Melaka terdapat pelbagai barangan yang boleh diperolehi dengan mudah. Perdagangan Melaka berasaskan perdagangan entrepot. Pedagang-pedagang dari Timur dan Barat serta negeri-negeri berhampiran berhimpun di Melaka untuk bertukar-tukar barangan.

Bunga cengkih dan buah pala dibawa dari Pulau Baras dan Maluku. Lada hitam dan emas dibawa dari Sumatera. Bawang, beras dan daging dibawa dari Jawa. Pedagang-pedagang dari India membawa kain, minyak wangi, ubat-ubatan dan kain sutera.


Barang-barang kaca, minyak wangi dan candu dibawa oleh pedagang-pedagang dari Arab. Pedagang-pedagang Siam, Burma dan

Kemboja membawa hasil-hasil seperti kapur barus, garam, kayu cendana, timah dan emas. Pedagang-pedagang dari China membawa hasil seperti tembikar, sutera dan kasturi.

Setiap pedagang bertukar barang dengan saudagar dari negara lain untuk dibawa pulang ke negara asal masing-masing. Mengikuti Tom Pires, terdapat 84 bahasa pertuturan di Melaka dan terdapat kira-kira 4000 orang pedagang asing di Melaka. Demikianlah sibuknya pelabuhan Melaka.

Kesempatan seperti ini digunakan oleh orang Portugis untuk mengamalkan dasar monopoli perdagangan di Melaka. Mereka memperkenalkan sistem 'surat izin' agar kapal-kapal yang terlibat dalam perdagangan di Asia terpaksa singgah di Melaka.

Kerajaan Portugis juga mengenakan cukai yang tinggi iaitu 10% ke atas barangan dari China dan 8% ke atas barangan dari Benggala, India. Pada tahun 1524, Wizurai da Gama telah mengenakan hukuman mati dan merampas



Masjid Kampung Hulu

semua harta tuan-tuan punya kapal yang tidak mempunyai 'surat izin' dari Melaka.

Orang Portugis juga bercita-cita menguasai perdagangan rempah di Asia Tenggara. Dari Melaka, Portugis beransur-ansur memonopoli perdagangan rempah di Kepulauan Rempah, lada hitam di Kedah dan bijih timah di Perak.

Perdagangan rempah yang dijalankan oleh Portugis menjadi bertambah kukuh. Perdagangan mendatangkan keuntungan yang besar kepada Portugis. Contohnya, lada hitam yang dibeli dengan harga US\$45 dijual dengan harga US\$1800. Dari situlah mereka mengaut keuntungan yang berlipat ganda.

Selain itu, kedatangan Portugis ke Melaka bertujuan menghancurkan pengaruh Islam di Melaka. Melaka berhasrat menghancurkan peranan Melaka sebagai pusat perkembangan Islam. Seterusnya mereka berhasrat menyebarkan pengaruh agama Kristian Katholik.

Pada tahun 1545, Francis Xavier, tiba di Melaka untuk menyebarkan agama Kristian. Francis Xavier, seorang penyebar agama yang terkemuka. Malangnya, orang tempatan tidak berminat untuk menganut agama Kristian. Orang Portugis sendiri lebih berminat untuk memonopoli perdagangan rempah daripada menyebarkan agama Kristian.

Masyarakat Melaka pada masa itu memang sukar untuk menerima agama-agama lain. Ini disebabkan mereka sudah sehati dengan ajaran Islam. Agama Islam telah wujud di Melaka sebelum kedatangan Portugis lagi iaitu pada tahun 1415. Ini bererti kedatangan orang Portugis selepas seabad kedatangan Islam.

Pemerintahan Melaka yang pertama iaitu Parameswara telah memeluk agama Islam setelah berkahwin dengan puteri raja Pasai. Pada masa itu Pasai merupakan pusat penyebaran agama Islam yang penting di Nusantara.

Sikap taat setia rakyat Melaka kepada pemerintah merupakan satu faktor mereka sukar menerima ajaran Kristian. Bagi rakyat Melaka apa-apa yang dilakukan oleh seseorang raja akan menjadi ikutan mereka. Begitulah juga dengan pegangan agama. Sekiranya seseorang raja itu beragama Islam maka rakyatnya akan turut beragama Islam.

Selain itu, saudagar-saudagar Islam dari Timur Tengah iaitu Turki dan Arab telah berada di Melaka lebih lama daripada Portugis. Di samping berdagang, pedagang-pedagang menyebarkan agama Islam kepada pedagang-pedagang dari China dan Kepulauan Melayu selain penduduk tempatan.

Pedagang-pedagang ini pandai memainkan peranan sebagai penyebar agama Islam. Setiap ajaran disampaikan dengan lembut dan mudah. Mereka tidak memaksa penduduk supaya memeluk agama Islam. Kemudian, penduduk tempatan akan terpengaruh dan menerima agama Islam dengan baik.

Pedagang-pedagang asing pula akan membawa ajaran Islam pulang ke negeri asal mereka. Mereka menyebarkan agama itu kepada kaum keluarga mereka dan masyarakat setempat.

Pedagang-pedagang Islam ini menyebarkan ajaran Islam melalui perkahwinan. Pedagang-pedagang ini mengambil keputusan berkahwin dengan gadis-gadis tempatan. Dengan itu ajaran Islam bukan sahaja disebarkan kepada gadis-gadis tersebut tetapi kepada keluarga-keluarga mereka juga.

Perkahwinan campur itu juga mewujudkan satu kelompok masyarakat yang baharu. Masyarakat ini dinamakan masyarakat India-Muslim.

Dengan adanya pengaruh seperti yang dinyatakan tadi, tidaklah menghairankan jika agama Kristian sukar disebarkan kepada penduduk tempatan. Semangat anti-Portugis yang terdapat pada saudagar-saudagar Islam

tersebut menyebabkan mereka berlumba-lumba untuk memperkembang ajaran Islam.

Begitu juga dengan orang Melayu yang berusaha menyebarkan Islam. Dengan itu terdapat persaingan yang kuat antara perkembangan agama Islam dengan agama Kristian.

Berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh orang Portugis bagi menarik lebih ramai penganut agama Kristian. Penduduk tempatan dijanjikan perlindungan dan sebagainya. Malangnya usaha gigih mereka itu tetap tidak berjaya. Agama Kristian hanya diamalkan oleh orang Portugis sahaja.

Sekiranya tidak menganut agama Islam pun, masyarakat Melaka menganut ajaran-ajaran lain seperti Hindu dan Buddha. Bagaimanapun, bilangan mereka sangat kecil.

Penjajahan Portugis selama 130 tahun di Tanah Melayu, khususnya Melaka telah meninggalkan banyak kesan hingga ke hari ini. Tahukah kamu apakah kesan-kesan tersebut?

Kaum Serani sebahagian daripada masyarakat Malaysia. Penjajahan Portugis telah melahirkan masyarakat Serani yang keseluruhannya beragama Kristian. Masyarakat Serani lahir daripada perkahwinan orang Portugis dengan wanita tempatan.

Jika kita pandang sekali imbas, kita akan mengatakan bahawa mereka orang Melayu. Hal ini disebabkan masyarakat Serani dan masyarakat Melayu tidak ada bezanya, daripada warna kulit hinggalah kepada pertuturan.

Orang Serani fasih berbahasa Melayu seperti orang Melayu, malah ada di kalangan mereka yang sudah tidak pandai menuturkan bahasa Portugis. Hal ini disebabkan pengaruh persekitaran dan pergaulan seharian dengan masyarakat tempatan.

Dari segi adat resam, masyarakat Serani di Malaysia masih mengamalkan sebahagian daripada kebudayaan yang berunsur Portugis hingga kini. Masyarakat Serani ini

menggunakan nama-nama Portugis.

Perkembangan bahasa Melayu dan penulisan juga turut dipengaruhi oleh orang Portugis. Perbendaharaan kata bahasa Melayu telah bertambah. Terdapat beberapa perkataan Melayu yang berasal daripada bahasa Portugis.

Perkataan-perkataan ini sering kita gunakan seharian dalam kehidupan kita sehari-hari. Perkataan itu seperti garpu, almari, meja, tuala, jendela dan biola. Penggunaan perkataan-perkataan ini telah memperkayakan lagi bahasa Melayu.

Dari segi penulisan, tulisan rumi telah diperkenalkan kepada masyarakat tempatan. Sebelum ini masyarakat tempatan telah menggunakan tulisan jawi yang dibawa oleh orang Arab. Tulisan rumi masih kekal hingga ke hari ini.

Salah satu unsur kebudayaan orang Portugis yang masih kekal hingga ke hari ini ialah tarian joget. Tarian ini sungguh menarik

dan ditarikan beramai-ramai secara berpasangan. Biola merupakan alat muzik terpenting dalam tarian ini.

Pakaian penari-penari tarian ini sungguh cantik. Pakaian tersebut merupakan pakaian tradisional orang Portugis. Biasanya, tarian ini ditarikan dalam sesuatu pesta seperti perkahwinan, keraian dan sebagainya.

Penjajahan Portugis juga telah menamatkan Kesultanan Melayu Melaka. Tentu kamu tahu bahawa Melaka salah sebuah negeri di Malaysia yang tidak mempunyai sultan. Akibat mengalami kekalahan dalam peperangan, Sultan Mahmud Syah telah berundur dan mengasaskan kerajaan di Pulau Bintan. Baginda telah mangkat di Kampar pada tahun 1528 setelah Portugis menyerang Pulau Bintan.

Selepas penjajahan Portugis, Melaka dijajah oleh orang Belanda pada tahun 1641. Kemudian, Melaka dijajah oleh orang Inggeris.

Selain itu, terdapat beberapa bangunan tinggalan Portugis yang masih kekal hingga ke hari ini. Bangunan-bangunan ini menjadi kesan sejarah. A Famosa ialah binaan termasyhur di kalangan penduduk Malaysia. Sesiapa yang pergi ke Melaka pasti akan mengunjungi kota itu. Kota tersebut dibina berhampiran dengan laut.

Kota yang terletak di atas bukit itu dibina menggunakan batu-batu nisan yang diperolehi daripada kubur-kubur yang terdapat di situ. Begitulah kejamnya orang Portugis pada masa itu.

Di Bukit St. Paul juga kita boleh lihat tinggalan orang Portugis. Semasa penjajahan Portugis bukit ini dikenali sebagai 'Our Lady's Hill'. Di sini terdapat sebuah gereja yang dibina oleh Duarte Coelho pada tahun 1521 kerana berasa bersyukur setelah berjaya melarikan diri daripada serangan orang China pada tahun 1519. Di bukit tersebut terdapat patung Francis Xavier.

Pemandangan Selat Melaka yang indah boleh dilihat dari atas bukit ini. Kita akan dapat lihat laut yang membiru dan kapal-kapal belayar dengan tenang.

Sebagai warisan masyarakat Portugis di sini, kita boleh lihat Portugese Square. Portugese Square merupakan kawasan tempat tinggal orang Portugis di Melaka. Rata-rata penduduk kawasan ini terdiri daripada orang Portugis. Mereka mempunyai sistem pentadbiran yang teratur.

Masyarakat Portugis di situ dipimpin oleh seorang ketua. Mereka hidup bersatu-padu. Sering juga mereka mengadakan pesta yang disertai dengan tarian joget. Hubungan mereka dengan penduduk tempatan sangat baik. Mereka sebahagian penduduk Malaysia.

